HARIAN METRO
28 JANUARI 2016






DEE Dee jelajah raih undi orang ramai.

# Undilah Dee Dee

**Kuala Lumpur:** Orang ramai masih berpeluang mengundi Dee Dee, karakter seekor lembu yang memerlukan 10,000 undian untuk membintangi iklan Susu Goodday kegemaran ramai sehingga Ahad ini.

Undian boleh dibuat menerusi laman Facebook di 'Vote for Dee Dee' yang direka khusus untuk meraih sokongan rakyat Malaysia bagi melayakkannya menjadi sebahagian daripada kempen pengiklanan jenama susu berkenaan.

Pada 20 Januari lalu, Dee Dee dan rakannya mengadakan jelajah di sekitar Lembah Klang seperti stesen LRT dari Kelana Jaya ke KL Sentral, seterusnya ke LRT Masjid Jamek serta Bukit Bintang sebagai gimik bertemu dan mendapatkan sokongan orang ramai.

Goodday adalah jenama nombor satu susu segar dipasteur Malaysia dalam segmen susu cair dan baru-baru ini, Goodday melancarkan wajah baharu mereka yang mempunyai reka bentuk moden dan lebih kemas.

Produk minuman itu terkenal dengan kesegaran, rasa semula jadi yang hebat dan memberi kebaikan nutrien sebenar.